

24/04/2004

Suara 'kumpulan empat' lebih berpengaruh di Asia Barat

By Mohd Azlan Jaafar

MESYUARAT Khas Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Mengenai Asia Barat di sini, kelmarin adalah perjumpaan yang 'agak senyap'. Kehadiran hanya menteri luar dan wakil kerajaan 13 negara dalam mesyuarat itu seperti membayangkan ketidakkepentingan perjumpaan itu.

Ini jauh berbeza berbanding ketika sidang kemuncak Oktober lalu yang diadakan di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC). Ucapan terkenal bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa Yahudi menguasai dunia secara proksi pada Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) begitu menggemparkan.

Dalam tempoh kurang 10 minit, kenyataan Dr Mahathir itu, dari Putrajaya sudah sampai ke ibu pejabat CNN di Atlanta, Georgia, Amerika Syarikat, dan heboh diperkatakan di seluruh dunia.

Enam bulan selepas episod itu, menteri dan ketua delegasi yang merangkumi Jawatankuasa Al-Quds, Jawatankuasa Enam Palestin, Troika Sidang Kemuncak OIC Ke-10 dan Troika Persidangan Menteri Luar OIC Ke-30 mengadakan pertemuan di Putrajaya.

Kali ini ia diadakan agak tergesa-gesa berikutan perkembangan membimbangkan di dua hotspots dunia Islam, iaitu konflik Palestin-Israel dan Iraq.

Selain kejatuhan Saddam Hussein, kematian lebih 500 tentera Amerika Syarikat dan kebangkitan penentang puak Syiah dan Sunni di Iraq, dunia Islam terus menyaksikan lebih banyak pembunuhan di Palestin oleh rejim Yahudi.

Mesyuarat itu dipanggil berikutan pembunuhan terancang rejim Yahudi terhadap pengasas pergerakan pembebasan Hamas, Sheikh Ahmed Yassin dan penggantinya, Abdel Aziz al-Rantissi. Kedua-duanya dalam tempoh dua minggu.

Israel juga bertindak bersendirian dengan bercadang keluar dari Semenanjung Gaza tetapi mengekalkan sebahagian dari Tebing Barat.

Amerika Syarikat, sebahagian daripada kumpulan empat pihak dikenali The Quartet iaitu sekutu tetap Israel memburukkan keadaan apabila menyokong langkah Ariel Sharon itu.

Presiden George W Bush berkata, takkanlah Israel hendak menyerahkan kembali tanah yang dirampasnya pada Perang Asia Barat 1967. Bush juga bertegas pelarian Palestin tidak mempunyai hak untuk kembali ke negara Yahudi itu.

Kejadian ini bukan saja meningkatkan kebencian rakyat Palestin, tetapi menghantar gegaran ke seluruh dunia serta bantahan sebahagian besar masyarakat dunia. Tindakan unilateral Israel terus menduduki Tebing Barat, pembunuhan terancang serta tiada bantahan Amerika Syarikat memberikan imej Yahudi memang menguasai dunia secara proksi.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang ditemui selepas sidang medianya dan ditanya sama ada Yahudi menguasai dunia secara proksi berkata: "Kita tidak mahu kepada peperangan. Kita mahu membina jambatan kepada keamanan."

Tetapi ketika menteri dan wakil 13 negara sibuk mengadakan perbincangan mengenai apa yang harus dilakukan bagi menangani konflik Palestin-Israel dan krisis di Iraq, berita melaporkan tentera Israel membunuh lapan rakyat Palestin yang paling muda berusia 13 tahun, dalam serangan di Gaza.

Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddoumi, yang ditemui jelas tidak segan untuk menunjukkan rasa tidak puas hati sikap berbeza Amerika Syarikat

dalam menangani masalah di negaranya.

"Kredibiliti Amerika Syarikat adalah merepek. Mereka telah jauh menyimpang daripada jalan sebenar," katanya.

Malaysia sebagai pengerusi OIC juga tidak berselindung mengenai rasa tidak puas hati pendirian berbeza pentadbiran Washington itu.

Perdana Menteri yang juga pengerusi pertubuhan 57 negara itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan jelas bahawa Amerika Syarikat (AS) harus menjadi broker yang jujur jika negara itu mahu mengakhiri konflik Palestin-Israel.

"Amerika Syarikat akan menghampakan masyarakat antarabangsa jika ia tidak berperanan sebagai broker yang jujur dalam mencari penyelesaian konflik ini," katanya.

OIC walaupun menjadi pertubuhan yang mewakili sebahagian umat Islam sering dilihat sebagai hanya tempat bercakap tanpa banyak tindakan konkrit.

Kebanyakan negara anggota walaupun kaya dengan hasil minyak serta kekuatan kewangan, sering gagal membuahkan resolusi demi resolusi yang dicapai dalam bentuk tindakan.

Pertindihan kepentingan dan pengaruh Barat kepada negara berkenaan menyebabkan mereka tersepit untuk bertindak. Jadi ketika tercetus cadangan agar dianjurkan mesyuarat khas OIC itu, banyak pihak sangsi sesuatu konkrit akan terhasil daripada perjumpaan itu.

Tetapi, berlawanan persepsi awal, mesyuarat yang diadakan di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) berjaya menunjukkan komitmen lebih.

"Mereka yang hadir tidak hanya banyak bercakap tapi sedia mendengar. Sebelum ini ramai pemimpin hanya mahu bercakap dan mahu pandangan mereka saja diterima," kata seorang pegawai Wisma Putra.

Malah Syed Hamid ketika mengakhiri mesyuarat kelihatan puas.

"Tanggapan umum sebelum mesyuarat ini ialah kami tidak akan dapat muncul dengan satu dokumen sepakat mengenai Palestin dan juga Iraq.

"Kami gembira kerana dapat muncul dengan kata sepakat walaupun terdapat fasal-fasal sukar yang disertakan pada dokumen muktamad," katanya sambil menyatakan bagaimana peranan perkumpulan 57 negara itu masih relevan.

Dalam perjumpaan yang dipecahkan kepada dua bahagian, negara yang menghadiri mesyuarat merangkumi Troika OIC iaitu Qatar, Malaysia dan Senegal, Troika Persidangan Islam Peringkat Menteri Luar (ICFM) iaitu Sudan, Iran dan Turki, di samping anggota lain Guyana, Pakistan, Palestin, Maghribi, Arab Saudi, Iraq dan Indonesia mengeluarkan dua deklaras, masing-masing untuk Palestin dan Iraq.

"Ia (kedua-dua deklaras) dipersetujui secara konsensus...secara keseluruhan tiada bantahan antara negara yang menghadiri mesyuarat," kata Syed Hamid.

Deklarasi mengenai Palestin secara jelas menyeru Amerika Syarikat mengkaji semula pendiriannya yang tidak produktif dalam hendak memenuhi matlamat pelan damai itu.

"Kami juga menegaskan bahawa tidak ada pihak punya hak untuk membuat sebarang konsesi kepada Israel tentang hak kebangsaan Palestin atau berunding bagi pihak rakyat Palestin dan kepemimpinan mereka yang dipilih secara sah dan demokratik mengenai isu ini," menurut deklaras 15-perkara itu.

Mereka yang hadir juga berpendapat kumpulan empat iaitu Amerika Syarikat, Russia, Kesatuan Eropah dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) harus memperhebat usaha mencapai perdamaian yang adil dan menyeluruh di Timur Tengah dan berdasarkan Inisiatif Damai Arab, pelan damai Road Map dan perjanjian serta resolusi lain yang relevan.

Sekali lagi negara Islam mahu Majlis Keselamatan mempertimbang menugaskan Pasukan Pengaman Bangsa-Bangsa Bersatu atau mekanisme pemantau

antarabangsa bagi memantau pelaksanaan Road Map perdamaian di Timur Tengah.

Tetapi kandungan deklarasi itu yang dilihat sebagai penting ialah pewujudan satu kumpulan yang diketuai Malaysia untuk bertemu dengan kumpulan empat itu.

Malah deklarasi mengenai Iraq juga menggesa perubahan kuasa kepada rakyat Iraq dilakukan dengan teratur selain mengecam pembunuhan rakyat tak berdosa sama ada oleh tentera penakluk atau penentang Amerika.

Di kalangan pemerhati, walaupun mesyuarat khas mengenai Timur Tengah ini bukan sidang kemuncak, mereka percaya ia memberi sedikit harapan bahawa negara Islam masih boleh berharap kepada perkumpulan itu dan pimpinan Malaysia.

Yang menjadi persoalan sekarang, adakah Amerika Syarikat atau kuasa besar lain sedia membelakangkan hubungan mereka dengan Israel dan mendengar atau memberi perhatian kepada suara negara Islam.

"Kita hanya mahu membina jambatan dan bukan mencipta ketegangan. Kita hanya mahu mencari keadilan terhadap isu yang dihadapi dunia Islam," katanya Syed Hamid.

Sama ada OIC berjaya membina jambatan itu adalah sesuatu yang sukar ditentukan. Sama ada proksi atau tidak, pengaruh rejim Yahudi lebih besar berbanding mana-mana pertubuhan sedia ada.

(END)